

Nama : Kelas :



قَسَدٌ يَدْعُو إِلَى قِيَامِ الْمَجْلِسِ قَحْتَمًا
مَعَهُ كَرَامَاتُ سَكُولِهِ مَنَعَهُ كَرَامَاتُ سَكُولِهِ
يَا يَاسَنَ إِسْلَامَ كَلْتَن



1103/1
Bahasa Melayu
Kertas 1
Ogos 2025
2 jam

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA
TAHUN 2025 M / 1447 H**

**BAHASA MELAYU
KERTAS 1**

JANGAN BUKA SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.*
2. *Jawab soalan Bahagian A dan satu soalan daripada Bahagian B.*
3. *Jawapan anda hendaklah ditulis dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya buku jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

Kertas soalan ini mengandungi 4 halaman bercetak

SULIT

PERCUBAAN SPM YIK B MELAYU K1

© 2025 HAK CIPTA PERSIDANGAN PENGETUA YIK

[LIHAT HALAMAN SEBELAH

Bahagian A

[30 markah]

Soalan ini mesti dijawab.

Petikan dan grafik di bawah adalah berkaitan dengan sambutan Bulan Kemerdekaan.

Berdasarkan maklumat tersebut, huraikan pendapat anda tentang sambutan Bulan Kemerdekaan di sekolah.

Panjangnya huraian anda hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.

Setiap sekolah saban tahun akan menganjurkan sambutan Bulan Kemerdekaan sepanjang bulan Ogos. Antara program yang dilaksanakan termasuklah pertandingan mengibarkan Jalur Gemilang, mendeklamasikan puisi patriotik dan nyanyian lagu patriotik.

**Sambutan Bulan
Kemerdekaan
wadah perpaduan
kaum**



Bahagian B

[70 markah]

Bahagian ini mengandungi empat soalan. Jawab satu soalan.

Tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 350 hingga 500 patah perkataan.

1. SHAH ALAM - Malaysia berkemungkinan kehilangan hutan seluas 2,346,601 hektar bersamaan 100 kali ganda saiz Bandaraya Kuala Lumpur akibat pembangunan. Hutan sepatunya dijaga dengan sebaiknya kerana menjadi kawasan tadahan hujan. Bukan itu sahaja, hutan juga mampu dijadikan sebagai kawasan pelancongan dan pembekal sumber kayu balak.

Dipetik dan diubah suai daripada : *Sinar Harian*, 23 Mac 2023

Berdasarkan petikan di atas, huraikan manfaat-manfaat tersebut.

2. Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham berkata, berdasarkan 8,380 panggilan telefon yang diterima pihaknya, 46.8 peratus berhadapan dengan masalah kesihatan mental. Penyakit ini sekiranya tidak dirawat, pastinya akan memberikan kesan negatif terhadap kehidupan manusia seperti gangguan emosi dan kesulitan dalam melaksanakan tugas harian. Pelbagai usaha perlu diambil bagi mengatasi masalah kesihatan mental.

Dipetik dan diubah suai daripada : *Berita harian*, 19 Mei 2020

Sebagai respons kepada petikan di atas, huraikan usaha-usaha untuk mengatasi masalah tersebut.

3. Masalah disiplin dalam kalangan murid sekolah begitu membimbangkan kita pada setiap tahun. Antaranya termasuklah ponteng sekolah, buli dan vandalisme. Pelbagai faktor telah dikenal pasti yang menyebabkan masalah ini semakin meningkat termasuklah peraturan disiplin yang longgar.

Dipetik dan diubah suai : Internet

Selain faktor yang dinyatakan di atas, huraikan faktor-faktor berlakunya masalah tersebut.

4.

Pantun Keburukan Telefon Bimbit

Pergi ke kedai membeli suasa,
 Suasa dibeli bersama gelang;
 Telefon digenggam setiap masa,
 Pelajaran terabai pencapaian hilang.

Tumbuh melata si pohon mangga,
 Tegak berdiri di tepi batas;
 Asyik bermain sehingga leka,
 Kesihatan diri akan terjejas.

Burung nuri terbang di angkasa,
 Hinggap sebentar di daun pisang;
 Terbatas komunikasi ahli keluarga,
 Hubungan akan longgar dan goyang.

Oleh : AifiInsyirah

Pantun di atas menyatakan kesan buruk penggunaan telefon bimbit secara tidak terkawal. Huraikan kesan-kesan tersebut.

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT